

05 SEP 1998

Ali - Anwar

BEKAS PEMIMPIN MESTI SENTIASA MENDUKUNG KELUHURAN PERLEMBAGAAN

MELAKA, 5 Sept (Bernama) -- Bekas pemimpin negara mesti sentiasa mendukung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

"Juga jangan menuduh sesuatu institusi tertentu mempunyai konspirasi untuk menjatuhkan diri mereka," katanya sebagai merujuk kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mempertikai tindakan peguam negara dan polis, yang mengaitkannya dengan skandal seks.

Ali berkata Anwar tidak harus mempertikaikan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, apatah lagi perkara itu pernah diperjuangkannya semasa menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Jaya Diri di Sekolah Menengah Tun Mutahir di Batu Berendam di sini hari ini, Ali berkata sistem perundangan negara adalah adil dan saksama.

Sehubungan itu, Ali menegur Anwar yang berucap dalam sebuah masjid dan menggunakan pelajar untuk kepentingan dirinya.

Ali yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Melaka berkata cara UMNO menyelesaikan masalah adalah konsisten dengan cara yang dilakukan pada masa lepas, dan ini bukan sahaja ke atas pemimpin biasa tetapi juga pemimpin pertengahan dan tertinggi.

Beliau percaya orang ramai akan dapat memahami apa yang berlaku, berikutan tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Anwar dalam kerajaan dan pemecatannya dari parti oleh Majlis Tertinggi Umno.

Pada perkembangan berkaitan, Ali juga dukacita Anwar menggunakan pengaruh media asing, seperti CNBC dan CNN bagi mempertahankan dirinya.

"Media asing memang mahukan isu sebegini untuk mereka besar-besarkan dan memaparkan keburukan kita," katanya.

Anwar mempunyai forum menerusi saluran proses undang-undang bagi beliau mempertahankan diri, kata Ali.

-- BERNAMA

NO RI